# Kertas Bil. 62/2015

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 MAC – 3 APRIL DAN 6 – 9 APRIL 2015**

---

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN SELANGOR FRUIT VALLEY (SFV) DAN PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS) LIVESTOCK FARM SDN. BHD.

KERTAS BILANGAN 12/2015

---

# MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| 5 | **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN SELANGOR FRUIT VALLEY (SFV) DAN PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS) LIVESTOCK FARM SDN. BHD.** | **9.1 Selangor Fruit Valley**<br>1. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan SFV mengekalkan prestasi yang memuaskan supaya pendapatan PKPS akan terus meningkat. | √ | | **1. <u>SELANGOR FRUITS VALLEY (SFV)</u>**<br>a) Bagi mempertingkatkan lagi hasil pengeluaran buah-buahan di Selangor Fruits Valley, pihak pengurusan SFV telah menggunakan kaedah-kaedah seperti berikut:-<br>i. **Baik Pulih Kesuburan Tanah**<br>Kualiti tanah di Ladang SFV adalah kurang subur iaitu di anggarkan Kelas 3 – Kelas 4 iaitu pH rendah maka itu keasidan tanah adalah tinggi. Oleh itu, usaha untuk membaikpulih kesuburan tanah sedang giat dijalankan dengan mengurangkan kegunaan semburan bahan kimia, menabur bahan organik, tingkatkan penggunaan campuran bahan mengandungi Mycorrhiza dan menyediakan pengairan yang mencukupi. |
| | | **9.2 PKPS Livestock Farm Sdn Bhd**<br>1. Kerajaan Negeri hendaklah mengkaji semula projek ternakan lembu PKPS Livestock Farm Sdn Bhd kerana tidak dapat mencapai pulangan ke atas pelaburan yang memuaskan dalam tempoh tujuh tahun. | √ | | ii. **Penggunaan baja dan kimia perosak tumbuhan yang bersesuaian**<br>Sebelum ini Ladang SFV kerap menggunakan sistem meracun rumpai secara 'blanket' yang mana akan menyebabkan tanah cepat menjadi kering dan keras ketika musim panas serta top soil mudah terhakis ketika hujan lebat. Kandungan top soil mengandungi kandungan baja organik semula jadi yang baik. SFV kini mengamalkan sistem meracun secara selective.<br>Penggunaan mesin rumput juga dipraktiskan bagi mengekalkan kelembapan tanah dan mengelakkan hakisan 'top soil'. SFV juga mempraktiskan penggunaan baja jenis organik bagi membantu 'top soil formation' seterusnya membantu tumbesaran pokok dan penambahan hasil pengeluaran. |
| | | 2. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan PKPS Livestock Farm menjalankan kajian yang menyeluruh dan rapi sebelum melaksanakan projek ternakan lembu. | √ | | iii. **Memperkemaskan lagi sistem pengairan di kawasan berteres dan lain-lain**<br>Tahun-tahun kebelakangan ini menunjukkan curah hujan yang berkurangan. Ini menjejaskan tumbuhan pokok buah dan banyak pokok muda didapati mati. Ladang SFV kini dalam proses pemasangan tangki dan paip air di kawasan berteres untuk membantu pokok-pokok buahan seperti manggis, pulasan, rambutan, kelapa dan durian. Sumber bekalan air adalah mencukupi ketika musim kemarau. Selain itu juga, sistem |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

<table>
<tr><th>Bil</th><th>Tajuk Penyata</th><th>Saranan</th><th>Diterima</th><th>Ditolak</th><th>Ulasan/Tindakan MMKN</th></tr>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>9.3 Saranan Keseluruhan<br><br>1. PKPS hendaklah menetapkan sasaran dalam tempoh satu hingga dua tahun untuk memulihkan projek ternakan lembu.<br><br>2. PKPS hendaklah peka kepada prestasi projek ternakan lembu dalam tempoh satu hingga dua tahun supaya sekiranya projek ternakan lembu tidak dapat dipulihkan, PKPS hendaklah mengambil keputusan untuk membatalkan projek tersebut.<br><br>3. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan Pemerbadanan Menteri Besar menetapkan dan memantau keperluan membuat kajian teliti dalam Prosedur Operasi PKPS sebelum pelaburan dibuat dalam sebarang projek yang</td>
<td><br><br>√<br><br><br><br><br><br>√<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>√</td>
<td></td>
<td>perparitan juga diperkemaskan.<br><br>iv. Tanaman sulam<br><br>Ladang SFV juga telah menggantikan pokok-pokok yang mati dengan tanaman baru agar tidak ada kawasan yang kosong.<br><br>v. Tanaman baru di atas tanah kosong<br><br>Ladang SFV juga telah menanam pokok-pokok buahan di kawasan tanah kosong yang terbiar seperti tanaman Ciku (3 ekar), Kelapa Matang (25 ekar), Durian Belanda (10 ekar) dan lain-lain tanaman.<br><br>vi. Program Latihan<br><br>Ladang SFV juga melaksanakan program latihan kursus penyelenggaraan Ladang Buah-buahan kepada staff dan pekerja ladang bagi menghasilkan lebih ramai pekerja berpengetahuan dalam bidang tanaman buah-buahan.<br><br>b) Prestasi Pendapatan dan Keuntungan SFV Bagi Tempoh Januari – Jun 2015<br><br>
<table>
<tr><th>BUTIRAN</th><th>JAN<br>RM</th><th>FEB<br>RM</th><th>MAC<br>RM</th><th>APR<br>RM</th><th>MEI<br>RM</th><th>JUN<br>RM</th><th>JUMLAH<br>RM</th></tr>
<tr><td>PENDAPATAN</td><td>169,876</td><td>90,095</td><td>106,395</td><td>90,839</td><td>76,294</td><td>103,619</td><td>637,118</td></tr>
<tr><td>PERBELANJAAN</td><td>84,187</td><td>115,572</td><td>132,526</td><td>112,024</td><td>97,341</td><td>128,137</td><td>669,787</td></tr>
<tr><td>UNTUNG/RUGI</td><td>85,689</td><td>(25,477)</td><td>(26,131)</td><td>(21,185)</td><td>(21,047)</td><td>(24,518)</td><td>(32,669)</td></tr>
</table>
</td>
</tr>
</table>

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | akan dilaksanakan. | | | **NOTA**<br><br>Kerugian yang dicatat untuk ½ tahun 2015 hanya berjumlah RM32,669.00. Ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2013 (RM140,000.00) dan 2014 (RM120,000.00). SFV diunjurkan untuk mencatatkan keuntungan kecil pada penghujung tahun 2015.<br><br>**2. <u>PKPS LIVESTOCK FARM SDN BHD</u>**<br>a) Hasil kajian projek ternakan lembu yang dilaksanakan oleh PKPS Livestock Farm Sdn Bhd mendapati perniagaan ini jika diselia dengan baik boleh menjana kentungangan kepada syarikat. PKPS Livestock Farm Sdn Bhd juga mendapati terdapat permintaan yang tinggi di pasaran semasa kerana Malaysia masih mengimport > 90% keperluan susu negara.<br><br>b) PKPS Livestock Farm Sdn Bhd diunjurkan untuk mencatatkan keuntungan pada tahun 2018 mengikut perancangan perniagaan yang disediakan. Langkah–langkah yang sedang dan akan diambil adalah seperti berikut :-<br><br>• Membeli induk bunting sebanyak 300 ekor secara berperingkat selama 3 tahun pada kadar 100 ekor setahun.<br><br>• Meningkatkan prestasi pembiakan dengan menyambung khidmat 2 orang tenaga mahir dari Thailand.<br><br>• Mengawal dan mengurangkan penyakit serta kematian dengan menjalankan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Haiwan seperti mengadakan "blood screening" ke atas semua ternakan lembu secara berkala.<br><br>• Meningkatkan kualiti padang rumput dengan membuat pembajaan yang rapi Terdapat 4 jenis rumput yang |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | telah ditanam seperti Bracharia Muloto, Stylo Santes, Napier dan Purple Gune .<br><br>• Menggunakan formula makanan baru. Formula baru ini telah dapat meningkatkan pengeluaran susu dari 8 liter sehari seekor kepada 10 liter sehari seekor. Selain itu, kos permakanan juga dapat dikurangkan dari RM14.10 seekor kepada RM8.40 sesekor sehari.<br><br>c) PKPS menetapkan sasaran untuk syarikat mencatat keuntungan tahun semasa pada tahun 2018. Jika sasaran tersebut gagal dicapai, maka syarikat akan dibubarkan dan projek tenusu ditawarkan kepada mana-mana pihak luar yang berminat. |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | Prestasi Livestock Bagi Tempoh Januari – Jun 2015 (see table below) |

**Prestasi Livestock Bagi Tempoh Januari – Jun 2015**

| BUTIRAN | LEMBU TENUSU RM | RUMAH AYAM RM | PEJABAT RM | JUMLAH RM |
|---|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | | |
| JUALAN SUSU SEGAR | 506,617.70 | | | 506,617.70 |
| JUALAN TONG | 5,763.00 | | | 5,763.00 |
| SEWAAN RUMAH AYAM | | 623,400.00 | | 623,400.00 |
| | **512,380.70** | **623,400.00** | **-** | **1,135,780.70** |
| ( - ) KOS OPERASI | 1,027,587.77 | 8,000.00 | | 1,035,587.77 |
| **UNTUNG KASAR** | **(515,207.07)** | **615,400.00** | **-** | **100,192.93** |
| LAIN-LAIN PENDAPATAN | 142,115.00 | | 456.14 | 142,571.14 |
| FAEDAH SIMPANAN TETAP | | | 1,731.06 | 1,731.06 |
| SEWAAN KUATERS | | | 1,800.00 | 1,800.00 |
| **JUMLAH LAIN-LAIN PENDAPATAN** | **142,115.00** | **-** | **3,987.20** | **146,102.20** |
| ( - ) KOS PENTADBIRAN | 88,537.43 | - | 19,214.60 | 107,752.03 |
| ( - ) KERUGIAN PELUPUSAN | 94,849.00 | - | - | 94,849.00 |
| | 183,386.43 | - | 19,214.60 | 202,601.03 |
| ( - ) SUSUT NILAI | 393,643.00 | 144,690.00 | 324.00 | 538,657.00 |
| **UNTUNG / RUGI SEBELUM CUKAI** | **(950,121.50)** | **470,710.00** | **(15,551.40)** | **(494,962.90)** |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | **Unjuran Penyata Pendapatan Projek Ternakan Lembu Tenusu** |

| Butiran | Tahun | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 |
| **Pendapatan** | | | | | |
| Jualan Susu | 2,581,632 | 4,422,600 | 6,201,360 | 7,334,712 | 7,580,628 |
| Jualan Tong | 14,580 | 16,200 | 17,820 | 19,440 | 21,060 |
| **Jumlah Pendapatan** | **2,596,212** | **4,438,800** | **6,219,180** | **7,354,152** | **7,601,688** |
| Belanja Operasi | 2,741,878 | 3,395,453 | 4,116,308 | 4,415,819 | 4,796,529 |
| **Untung Kasar** | **-145,666** | **1,043,347** | **2,102,872** | **2,938,333** | **2,805,159** |
| Lain - Lain pendapatan | 8,790 | 10,548 | 23,147 | 27,835 | 45,415 |
| Belanja Pentadbiran | 445,578 | 526,342 | 590,078 | 933,184 | 707,522 |
| Susutnilai | 918,598 | 1,067,477 | 1,185,607 | 1,152,640 | 1,131,988 |
| **Untung / Rugi** | **-1,501,052** | **-539,924** | **350,334** | **880,344** | **1,011,064** |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | **Unjuran Penyata Pendapatan Projek Rumah Ayam** |

| Butiran | Tahun | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 |
| **Pendapatan** | | | | | |
| Sewaan Reban Ayam | 1,246,800 | 1,246,800 | 1,246,800 | 1,246,800 | 1,246,800 |
| **Jumlah Pendapatan** | **1,246,800** | **1,246,800** | **1,246,800** | **1,246,800** | **1,246,800** |
| Belanja Operasi | 36,012 | 36,012 | 36,012 | 36,012 | 36,012 |
| **Untung Kasar** | **1,210,788** | **1,210,788** | **1,210,788** | **1,210,788** | **1,210,788** |
| Susutnilai | 356,603 | 356,603 | 356,603 | 356,603 | 356,603 |
| **Untung / Rugi** | **854,185** | **854,185** | **854,185** | **854,185** | **854,185** |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan